



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

AGAMA DI MALAYSIA



Masitah binti Mohd Ali
Siti Noryanie binti Yusoff
Ainoor Mahfuzah binti Ahmad



AGAMA DI MALAYSIA

Oleh :
Masitah binti Mohd Ali
Siti Noryanie binti Yusoff
Ainoor Mahfuzah binti Ahmad



HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terlebih dahulu.

Agama di Malaysia

Nama penulis : Masitah binti Mohd Ali

Nama penulis : Siti Noryanie binti Yusoff

Editor : Ainoor Mahfuzah binti Ahmad

Gambar asal latar belakang muka depan buku : Ishan @seefromthesky

No eISBN: 978-967-0032-08-5

Terbitan pertama 2022

Diterbitkan oleh:

UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Persiaran Usahawan,

Seksyen U1,

40150 Shah Alam

Selangor

Telephone No. : +603 5163 4000

Fax No. : +603 5569 1903

e ISBN 978-967-0032-08-5



AGAMA DI MALAYSIA

PENAFIAN

Maklumat yang disediakan dalam buku ini direka bentuk untuk memberikan maklumat yang berguna tentang perkara yang dibincangkan. Kandungan buku ini termasuk contoh, imej dan rujukan disediakan untuk tujuan maklumat sahaja. Sebarang pendapat atau pernyataan yang dinyatakan atau ditulis dalam buku ini merupakan pertimbangan kami pada masa dikeluarkan dan tertakluk kepada perubahan. Kami percaya bahawa maklumat yang terkandung dalam buku ini adalah betul dan bahawa sebarang anggaran, pendapat, kesimpulan atau cadangan adalah wajar dipegang atau dibuat pada masa penyusunan. Walau bagaimanapun, tiada jaminan dibuat tentang ketepatan atau kebolehpercayaan (yang mungkin berubah tanpa notis) atau maklumat lain yang terkandung dalam buku ini. Setakat maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, kami menafikan semua liabiliti dan tanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan langsung atau tidak langsung yang mungkin dialami oleh mana-mana penerima melalui pada apa-apa yang terkandung dalam atau ditinggalkan daripada buku ini.



PRAKATA

Segala puji bagi Tuhan yang mencipta semesta alam dan manusia di muka bumi. Alhamdulillah akhirnya kami berjaya menghasilkan sebuah buku Agama di Malaysia bagi Kursus Nilai Masyarakat Malaysia edisi Politeknik Malaysia. Buku ini dihasilkan bersesuaian untuk menampung keperluan pelajar dan pensyarah sebagai sumber rujukan bertepatan dengan sukatan silibus yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi.

Buku ini berfokuskan kepada topik Agama di Malaysia iaitu merangkumi Agama Islam, Hindu, Buddha dan Kristian. Turut dilengkapi dengan latihan-latihan pengukuhan untuk menguji kefahaman dan memperkukuh pembelajaran serta menggalakkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Di samping itu, turut mengandungi ilustrasi gambar-gambar yang menarik dan penerangan maksud atau memberi maklumat tambahan berkaitan sesuatu istilah.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghulurkan bantuan serta sokongan padu bagi menjayakan penerbitan buku ini. Diharapkan usaha ini memberi manfaat kepada pembaca sekaligus memantapkan lagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

BIODATA PENULIS



- **Masitah binti Mohd Ali** berkelulusan Universiti Malaya.
- Beliau berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia selama 13 tahun. Beliau kini bertugas sebagai **pensyarah** dan **Penyelaras Pusat Akademik dan Teknologi Instruksional Terkehadapan (FITAC)** di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- Berpengalaman mengajar serta terlibat dalam **membangunkan silibus Mata Pelajaran Umum (MPU)** dan **penulisan buku Nilai Masyarakat Malaysia** Siri Politeknik terbitan Oxford Fajar.



- **Siti Noryanie binti Yusoff** berkelulusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Beliau berkhidmat dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai **pensyarah** dan **Pegawai Latihan Industri** selama 13 tahun. Beliau kini bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- Hasil **karya beliau yang telah diterbitkan ialah Nilai Masyarakat Malaysia**, Siri Politeknik, terbitan Oxford Fajar.



- **Ainoor Mahfuzah binti Ahmad** berkelulusan Universiti Malaya.
- Beliau berkhidmat sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia selama 13 tahun. Beliau kini bertugas sebagai **pensyarah** dan **Penyelaras Pengurusan Strategik** di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
- Beliau **terlibat dalam bidang penerbitan kreatif dan media cetak selama 20 tahun** di peringkat institusi, kebangsaan dan antarabangsa.

Objektif Buku Ini

4 HASIL PEMBELAJARAN



Di akhir pembelajaran pembaca dapat :

- 1 Memupuk **kefahaman tentang kepelbagaian** agama di Malaysia.
- 2 Membina kesinambungan **generasi yang berilmu, prihatin dan mempertahankan** keunikan identiti masyarakat majmuk di Malaysia.
- 3 Mengamalkan **nilai tolak ansur dan hormat menghormati** dalam konteks beragama di Malaysia.
- 4 Menterjemahkan **manifestasi Keluarga Malaysia yang sejahtera serta holistik** dalam aspek kekuatan dan kefahaman beragama.



10 Mengapa buku ini interaktif?

KEISTIMEWAAN BUKU INI



1

MESRA RUJUKAN DIGITAL

Buku ini dilengkapi dengan kemudahan **hiperteks** dan **hiperpautan** yang melibatkan perkataan dan muka surat penting.

...bagi setiap individu di Ma
...Prinsip Rukun Negara
...han. Dalam perkara 3

2

VIDEO INFORMASI "TONTON SAYA"

Penerangan akademik buku ini turut disertakan dengan pautan video yang boleh diimbis mahupun disentuh pada kod bar yang diberikan.



3

KOLUM FAKTA RINGKAS

Fakta utama atau penting dimasukkan secara grafik untuk memudahkan capaian mata dan minda pembaca terhadap maklumat penting.



4

MINI INFO PERAYAAN UTAMA

Maklumat tambahan perayaan utama setiap agama ditampilkan dengan lebih ringkas dan menarik.



5

AKTIVITI PENGUKUHAN

Setiap akhir topik, disertakan aktiviti pengukuhan bagi memastikan pembaca dapat menguji minda sejauhmana kefahaman terhadap topik.



6

KUIZ DIGITAL

Selain aktiviti pengukuhan di dalam buku, pembaca juga dibekalkan dengan kuiz secara dalam talian bagi setiap akhir topik.



7

RUANG INTERAKSI "BOLEH SAYA TAHU?"

Interaksi dua hala disediakan antara pembaca dan penulis buku ini yang merupakan tenaga pengajar berpengalaman dalam bidang.



8

EKSPLORASI MINDA "APA KATA ANDA?"

Pembaca boleh menulis respon terhadap situasi dan isu semasa berkaitan topik buku ini sebagai cetusan idea dan pandangan.

APA
KATA ANDA ?

9

KATA MUTIARA

Buku ini juga diselitkan kata-kata hikmah sebagai pemberi semangat dan motivasi kepada pembaca.



10

BUTANG "HOME" DI SETIAP MUKA

Pembaca boleh sentiasa merujuk semula kepada muka isi kandungan dengan menekan butang "home" yang disediakan pada setiap muka surat dalam buku ini.



KANDUNGAN



Pengenalan	9
Agama Islam	13
Aktiviti Pengukuhan	18
Agama Hindu	19
Aktiviti Pengukuhan	24
Agama Buddha	25
Aktiviti Pengukuhan	30
Agama Kristian	31
Aktiviti Pengukuhan	35
Apa Kata Anda ?	36
Kesimpulan	44
Rujukan	47



“Perpaduan Teras Kekuatan Malaysia”

Image by [Shafuan Mohd](#) from [Pixabay](#)

MALAYSIA

Malaysia adalah sebuah negara demokrasi yang mempunyai pelbagai agama seperti Islam, Hindu, Buddha, Kristian dan sebagainya. Persefahaman yang wujud dalam kepelbagaian agama, bangsa serta budaya membolehkan rakyat Malaysia hidup dalam keadaan aman dan harmoni.

Pegangan agama bagi setiap individu di Malaysia amat penting seiring dengan kandungan **Prinsip Rukun Negara** yang pertama iaitu Kepercayaan kepada Tuhan. Dalam perkara 3 (1), Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan bahawa :

FAKTA

“ Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan ”.

Agama ialah kepercayaan pada Tuhan, sifat-sifat, kekuasaan dan penerimaan ajaran dan perintah tuhan. Setiap agama mempunyai penekanan serta amalan yang berbeza-beza, namun begitu menyeru pengikutnya mengamalkan nilai-nilai murni selain menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang negatif.



TONTON SAYA



DEMOGRAFI



Penduduk Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, agama dan keturunan. Kumpulan terbesar rakyat Malaysia terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Berdasarkan **bancian tahun 2020** yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, didapati bahawa Islam merupakan agama yang paling ramai dianuti iaitu sebanyak 63.5%. Manakala agama Buddha 18.7%, agama Kristian 9.1% dan diikuti oleh agama Hindu 6.1%. Pengikut lain-lain agama ialah 0.9% dan tiada agama atau tidak diketahui ialah 1.8%.



TONTON SAYA





Image by naeem.mayet from Pixabay



Image by Chowdhury Mohammad Masum Reza from Pixabay

ISLAM

Dibawa ke Tanah Melayu oleh pedagang, pendakwah dan ulama. Wajib percaya Rukun Islam dan Rukun Iman.

BUDDHA

Dibawa ke Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan. Berpegang pada 'Jalan Lapan Lapis Mulia' dan mengamalkan ajaran Sidharta Gautama.



Image by Kon Zografos from Pixabay



Image by adonoto from Pixabay

HINDU

Dibawa ke Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan. Mengamalkan kepercayaan kepada dewa.

KRISTIAN

Wujud di Tanah Melayu setelah kedatangan penjajah Portugis. Mempercayai Jesus Christ sebagai anak tuhan.



Image by Engin Akyurt from Pixabay

AGAMA

ISLAM



AGAMA ISLAM

Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad untuk disampaikan kepada manusia sebagai panduan dalam menjalani kehidupan harian. Islam bermaksud penyerahan, ketaatan dan keamanan.



“ Agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. ”
- Dewan Bahasa dan Pustaka -

Dalam ajaran Islam, kitab bagi orang Islam ialah al-Quran. Al-Quran bermaksud kitab mulia yang diwahyukan oleh Allah kepada Nabi Muhammad sebagai pedoman dan panduan hidup manusia di muka bumi. Penganut agama Islam juga mestilah percaya serta mengamalkan Rukun Iman dan Rukun Islam.



JOM TONTON



Dalam agama Islam terdapat 3 elemen asas iaitu :

01

Akidah - Yakin dan percaya terhadap kewujudan Allah yang wajib disembah dan tiada tuhan melainkan-Nya. Perasaan yakin ini, teguh dalam jiwa dan tidak menerima sebarang bentuk syak atau digugat dengan perkara-perkara lain. Allah menyuruh manusia melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.



02

Ibadah - Tanggungjawab atau kewajipan manusia terhadap Allah. Ibadah bermaksud patuh, taat, setia, tunduk dan sebagainya. Ia merangkumi segala perkara yang disukai dan diredai-Nya dan segala perbuatan manusia dikira ibadah andai dilakukan dengan ikhlas. Contoh ibadah seperti solat, berpuasa, bersedekah, membayar zakat dan sebagainya.

03

Akhlag - Perilaku, perangai, tabiat dan maruah yang mempamerkan gambaran seseorang tersebut. Akhlag terbahagi kepada dua, iaitu **akhlag mahmudah** dan **mazmumah**. Akhlag mahmudah ialah perilaku yang baik seperti pemaaf, sabar, bersangka baik serta sebagainya. Manakala akhlag mazmumah adalah perilaku yang buruk, melanggar perintah dan suruhan Allah seperti sombong, menghina, menipu dan seumpamanya.

RUKUN ISLAM



Rukun Islam ada 5 perkara yang wajib dipercayai serta diyakini oleh setiap orang Islam dalam kehidupan.

01

Syahadah : Mengucap dua kalimah syahadah yang membawa maksud kesaksian terhadap Allah yang wajib disembah dan mengakui **Nabi Muhammad s.a.w.** sebagai rasul dan nabi.

02

Solat : Wajib mendirikan solat 5 waktu sehari iaitu Maghrib, Isyak, Subuh, Zohor, dan Asar.

03

Puasa : Berpuasa di bulan Ramadan dapat mendidik jiwa umat Islam. Berpuasa ialah menahan diri daripada makan, minum dan segala kelakuan yang boleh membatalkan puasa.

04

Zakat : Membayar zakat ialah mengeluarkan sebahagian harta tertentu dan diagihkan kepada golongan yang layak menerimanya. Ini dapat menyucikan diri daripada sifat kedekut.

05

Haji : Menunaikan haji bagi orang Islam yang cukup syaratnya. **Ibadah** ini menunjukkan persaudaraan sesama manusia dan penyerahan jiwa kepada Allah.



PERAYAAN AGAMA ISLAM

MINI INFO

Hari kebesaran/perayaan merujuk kepada hari meraikan sesuatu peristiwa atau keramaian. Bagi penganut agama Islam, dua perayaan yang utama disambut secara besar-besaran iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Hari Raya Aidilfitri disambut selepas berakhirnya bulan Ramadan yang mewajibkan umat Islam berpuasa selama sebulan. Manakala Hari Raya Aidiladha pula diraikan pada hari ke-10 bulan Zulhijjah.



RUKUN IMAN



Setiap muslim wajib meyakini 6 Rukun Iman yang menjadi
asas akidah umat Islam

01

Beriman kepada Allah

Percaya dan yakin tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah sekalian alam.

02

Beriman kepada malaikat

Sepuluh **malaikat** yang wajib dipercayai iaitu Jibril, Mikail, Israfil, Izrail, Munkar, Nakir, Malik, Ridhwan, Atid dan Raqib.

03

Beriman kepada kitab

Terdapat 4 buah kitab asal yg diturunkan kepada nabi terpilih iaitu Taurat, Zabur, Injil dan al-Quran.



04

Beriman kepada rasul

Percaya dan yakin Allah telah mengutuskan nabi dan rasul yang telah diturunkan wahyu untuk disampaikan pada manusia

05

Beriman kepada hari kiamat

Hari perhitungan atas segala perbuatan baik dan buruk yang dikerjakan oleh manusia di dunia.

06

Beriman kepada qada dan qadar

Percaya dan yakin bahawa setiap perkara yang berlaku sama ada baik atau buruk merupakan ketetapan Allah.





PENGUKUHAN



Arahan : Jawab semua soalan.

1. Apakah pengertian agama?

2. Apakah agama-agama utama di negara kita?

i- _____

ii- _____

iii- _____

iv- _____

3. _____ adalah kitab bagi penganut agama Islam.

4. Apakah elemen penting yang terdapat dalam ajaran Islam?



i- _____

ii- _____

iii- _____

5. Isikan tempat kosong di bawah :

_____		_____
_____	RUKUN ISLAM	_____
_____		_____





AGAMA HINDU



AGAMA HINDU

Hinduisme ialah agama atau falsafah yang berasal dari benua India. Agama Hindu menonjolkan **evolusi** pemikiran manusia dari satu zaman ke satu zaman yang seterusnya. Pengikut Hindu percaya dan yakin kepada satu tuhan, ciri-ciri serta bentuknya diwakili atau dimanifestasikan dalam pelbagai dewa-dewi.



“Kitab utama bagi agama ini ialah Veda yang dibahagikan kepada empat kitab utama iaitu Rig Veda, Yajur Veda, Sama Veda dan Atharva Veda”

Selain itu, penganut Hindu percaya akan **doktrin karma** yang dikaitkan dengan kelahiran semula ditentukan oleh tindakan individu merangkumi perbuatan, pemikiran dan pertuturan dalam kehidupannya yang terdahulu untuk menentukan kehidupan akan datang. Sesiapa yang berbuat baik akan mendapat balasan baik dan sesiapa yang membuat kejahatan akan dibalas dengan kejahatan.



“Bercirikan penyembahan banyak dewa, sistem kasta, kepercayaan kepada penjelmaan semula”

~ Dewan Bahasa dan Pustaka ~

FAKTA

Atman ialah roh individu dalam badan manusia yang bertujuan untuk diserap ke dalam roh duniawi, manakala mokhsa ialah putaran atau kitaran dalam kehidupan serta konsep kelahiran semula yang bertujuan untuk mencapai kebebasan dan keselamatan.

Mokhsa perlu dikecapi oleh setiap individu untuk kehidupan yang lebih sempurna pada masa akan datang. Apabila individu tersebut telah mencapai tahap mokhsa, maka dia bebas daripada hukum karma.

PERAYAAN AGAMA HINDU

MINI INFO




Bagi penganut agama Hindu, Perayaan Deevapali atau dikenali Perayaan Cahaya merupakan masa untuk meraikan kegembiraan sebagai tanda kemenangan. Selain itu, mereka turut menyambut Hari Thaipusam sebagai tanda penghormatan kepada Dewa Hindu iaitu Dewa Muruga. Sambutan ini adalah hari memohon keampunan atas dosa-dosa yang telah dilakukan atau menunaikan nazar atau menebus dosa.

NILAI MURNI



Setiap penganut Hindu hendaklah mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan supaya dapat mengecapi kebahagiaan hidup.



01

Dharma (Tanggungjawab)

Menjalankan tanggungjawab dan tugas yang diberikan dengan penuh sempurna serta amanah.

02

Ahimsa (Kasih sayang)

Sifat menahan diri daripada melakukan kekejaman yang menimbulkan rasa sakit dan penderitaan terhadap manusia serta binatang.

03

Dhruthi (Keberanian dan ketetapan)

Memiliki hati yang kental dan sifat berani untuk menghadapi cabaran dan liku-liku kehidupan.

04

Kahamaa (Timbang rasa dan baik hati)


Empati serta baik hati terhadap manusia dan haiwan di muka bumi.

05

Damo (Mengawal fikiran)

Berfikir secara rasional serta mengawal perasaan agar tidak menyebabkan kecederaan atau perkara yang tidak baik kepada manusia.

Image by wurliburli from Pixabay



06

Stheyam (Tidak tamak)

Hidup secara sederhana, mengikut kemampuan diri serta tidak tamak untuk mengecapi kebahagiaan hidup.

Showcha (Kebersihan)

Menjaga kebersihan dari segi mental dan fizikal.

07

08

Mindriya Nigraham (Mengawal perasaan)

Mengawal perasaan marah agar dapat bertindak dengan waras.

Dheer (Membentuk fikiran yang tetap)

Bertindak mengawal perasaan dan membentuk fikiran yang rasional membolehkan manusia bertindak secara waras.

09



TONTON SAYA





PENGUKUHAN



Arahan : Jawab semua soalan.

1. Dimanakah bermulanya agama Hindu?

2. Berapakah kitab agama ini?

3. Apakah yang dimaksudkan dengan doktrin karma?

4. _____ ialah roh individu dalam badan manusia yang bertujuan untuk diserap ke dalam roh duniawi.
5. Apakah tujuan mengamalkan nilai-nilai murni mengikut agama Hindu?

Tandakan ✓ pada kenyataan yang **BENAR** dan X pada kenyataan yang **SALAH**.

1. Melakukan tugas dengan sempurna dan amanah dikatakan bertanggungjawab ()
2. Kahamaa adalah tindakan berbuat baik kepada manusia semata-mata ()
3. Tamak dalam mengejar kebahagiaan untuk diri sendiri adalah nilai murni ()
4. Mindriya Nigraham adalah nilai murni dalam mengawal perasaan dan membuat keputusan rasional ()







Photo by Jari Savolainen on Unsplash

AGAMA BUDDHA



Photo by Daniel Hartono on Unsplash

AGAMA BUDDHA

Ajaran Buddha diasaskan oleh Sidharta Gautama iaitu putera raja yang dikenali sebagai 'Pemberi Cahaya'. Gelaran ini diambil daripada nama pohon Boddhi iaitu pohon tempat **pertapaan**nya. Beliau juga diberi gelaran Buddha selepas mencapai 'enlightenment' iaitu mendapat ilham atau kesedaran yang mendalam.

Semasa berumur 29 tahun, beliau telah keluar dari istana dan melihat tiga penderitaan iaitu penyakit, tua dan kematian. Beliau telah memahami bahawa kesengsaraan ialah fitrah semulajadi kehidupan manusia dan boleh dihapuskan dengan mempelajari serta melalui Jalan Lapan Lapis Mulia.

FAKTA

"Agama yang diasaskan oleh Sidharta Gautama"

~ Dewan Bahasa dan Pustaka ~

Image by Sasin Tipchai from Pixabay

Menurut ajaran Buddha, individu yang baik hendaklah menghindari cara hidup yang penuh dengan **nafsu** serta menyiksa diri. Oleh itu, setiap individu perlu memahami **Konsep Empat Kebenaran Mulia** iaitu :

01

Hidup penuh kesengsaraan – penderitaan hidup merupakan lumrah alam.

02

Sebab untuk kesengsaraan – penderitaan manusia berpunca daripada nafsu untuk memperoleh keseronokan dan kekayaan yang tiada penghujung.

03

Perlu menamatkan kesengsaraan – manusia perlu menghindari atau mengatasi nafsu untuk mengelakkan penderitaan.

04

Cara menamatkan kesengsaraan – manusia perlu menjalani Jalan Lapan Lapis Mulia untuk menghapuskan penderitaan.



PERAYAAN AGAMA BUDDHA

MINI INFO

Penganut Buddha pada bulan Mei akan meraikan Hari Wesak bagi memperingati peristiwa penting dalam hidup Buddha iaitu kelahiran, hari mencapai kemantapan fikiran dan hari kematiannya. Di samping itu, mereka turut menyambut Tahun Baru Cina dengan melakukan aktiviti makan malam bersama-sama dengan seluruh ahli keluarga.

JALAN 8 LAPIS MULIA

Ajaran Buddha menetapkan bagi mencapai Empat Kebenaran Mulia, individu perlu memahami dan melalui Jalan Lapan Lapis Mulia .



01

Kefahaman yang benar -

Pemahaman yang betul terhadap sesuatu perkara dalam perihal kehidupan.

02

Pemikiran yang benar -

Mengawal pemikiran supaya tidak terpengaruh dengan tindakan serta pertuturan yang tidak baik.

03

Percakapan yang benar -

Tidak berbohong atau menyakiti orang lain dengan kata-kata yang keji.

04

Perilaku yang benar -

Tidak membunuh atau membahayakan manusia, haiwan dan alam.

05

Usaha yang benar -

Mencari nafkah tanpa mendatangkan kemudaratan kepada makhluk yang lain.

06

Kehidupan yang benar -

Tidak mengimpikan sesuatu yang mungkin tidak dapat dimiliki dan hidup dengan menerima realiti.

07

Kesedaran yang benar -

Sedar terhadap setiap tindakan, percakapan dan pemikiran.

08

Meditasi yang benar -

Melatih fikiran supaya boleh melawan nafsu.



5 PRINSIP



Prinsip-prinsip dalam agama Buddha adalah seperti berikut :

01

Menahan diri daripada melakukan pembunuhan terhadap manusia dan binatang.

02

Mencegah diri daripada mengambil sesuatu yang bukan kepunyaan diri sendiri.



03

Mengawal diri daripada melakukan serta mengamalkan kesalahan seksual.

04

Menghalang diri daripada menipu atau berbohong.

05

Melarang diri daripada mengambil bahan yang boleh **memabukkan** dan merosakkan diri.



PENGUKUHAN





Arahan : Jawab semua soalan.

1. _____ adalah pengasas bagi agama Buddha.
2. Apakah Empat Kebenaran Mulia yang terkandung dalam ajaran agama ini?
i- _____
ii- _____
iii- _____
iv- _____
3. Individu akan mencapai Empat Kebenaran Mulia dengan melalui _____.
4. Berapakah prinsip agama Buddha?

Tandakan ✓ pada kenyataan yang **BENAR** dan X pada kenyataan yang **SALAH**.

1. Percakapan yang benar adalah kata-kata yang baik ()
2. Melakukan pekerjaan yang sukar adalah pekerjaan yang benar ()
3. Mengikut hawa nafsu dengan pertimbangan waras adalah meditasi yang benar ()
4. Tujuan yang benar adalah hidup secara sedar ()





AGAMA KRISTIAN



Photo by [Hartono](#) on Unsplash

AGAMA KRISTIAN

Diasaskan oleh **Jesus Christ** dan tambahan nama Christ diambil daripada Bahasa Yunani iaitu "**Christos**" yang bermaksud penyelamat. Kitab suci bagi agama Kristian ialah Bible yang mengandungi dua bahagian iaitu Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru.

Triniti merupakan tunjang pegangan agama Kristian dan merupakan konsep kepercayaan serta penyembahan terhadap Kesatuan 3 Tuhan iaitu Tuhan Bapa (*Father of God*), Anak Tuhan (*Son of God*) dan Roh Kudus (*Holy Spirit*).



**"Agama yang dipercayai dan dianuti oleh
pengikut Jesus Christ"**

~ Dewan Bahasa dan Pustaka ~

10 PRINSIP BIBLE



Terdapat 10 prinsip dalam Kitab Bible yang mengandungi perintah dan larangan yang perlu dipatuhi oleh penganut agama Kristian.



Image by [PublicDomainPictures](#) from [Pixabay](#)

01

Jangan ada dewa yang lain daripada Tuhan :

Pengikut Kristian harus menyembah Tuhan sahaja.

02

Jangan membuat dan menyembah berhala :

Tidak membuat dan menyembah berhala yang menyerupai apa-apa di langit, bumi dan laut.

03

Tidak menggunakan nama Tuhan sewenang-wenangnya :

Jangan menyebut nama Tuhan untuk melaknati atau menyumpah orang lain

04

Ingati Hari Sabat :

Hari Sabat merujuk hari ketujuh, iaitu hari Tuhan berehat daripada kerja penciptaan manusia dan alam.

05

Hormati ibu bapa :

Menghormati ibu bapa dengan menjaga dan menghargai mereka.

06

Jangan membunuh :

Jangan melakukan pembunuhan secara sengaja atas tujuan niat jahat atau peribadi.



Image by [StockSnap](#) from [Pixabay](#)

10 PRINSIP BIBLE



07

Jangan berzina :

Harus menghormati ikatan perkahwinan dengan menjauhi zina kerana orang yang melakukan zina adalah berdosa kepada tuhan dan pasangannya.

08

Tidak mencuri :

Mencuri dilarang kerana menjejaskan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

09

Jangan memberikan kesaksian palsu :

Dilarang mengeluarkan kata-kata **kesaksian palsu** untuk menjatuhkan maruah orang lain.

10

Jangan menginginkan kepunyaan orang lain :

Tidak boleh bersikap tamak, tetapi harus berpuas hati dengan apa yang dimiliki.




PERAYAAN AGAMA KRISTIAN

MINI INFO

Pada 25 Disember setiap tahun, penganut Kristian akan meraikan sambutan Hari Krismas yang menandakan kelahiran Jesus dengan mengerjakan sembahyang di gereja serta menziarahi sanak saudara dan sahabat handai.



PENGUKUHAN




Arahan : Jawab semua soalan.

1. Siapakah yang mengasaskan agama Kristian?

2. Apakah yang dimaksudkan dengan trinititi dalam ajaran Kristian?

3. Tempat ibadat bagi penganut beragama Kristian ialah _____
4. Kitab suci bagi penganut agama Kristian ialah _____
5. Pernyataan berikut merujuk kepada perihal agama Kristian kecuali
 - A. Jesus Christ merupakan pengasas agama Kristian.
 - B. Terdapat 10 prinsip yang mengandungi perintah dan larangan dalam kitab suci agama Kristian.
 - C. Mempunyai dua bahagian dalam Kitab agama Kristian iaitu Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru.
 - D. Hari Khamis merupakan hari mulia bagi penganut agama Kristian
6. Berikan 5 prinsip yang terdapat dalam Kitab Bible.
 - i- _____
 - ii- _____
 - iii- _____
 - iv- _____
 - v- _____





APA

KATA ANDA ?

APA KATA ANDA?



Seseorang yang beragama menerima ajaran, mematuhi perintah tuhan, melaksanakan ibadah yang dituntut dan meninggalkan larangan oleh agamanya. Pada pandangan anda, **apakah kepentingan beragama?**

APA KATA ANDA?



Pada pandangan anda, **apakah peranan agama dalam kehidupan manusia?**

APA KATA ANDA?



Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan kedamaian, nyatakan **empat cara anda menghormati agama-agama** lain.

APA KATA ANDA?



Anda mempunyai seorang rakan baik yang **menyimpang jauh daripada ajaran agama.**

Pada pendapat anda, bagaimanakah **cara terbaik untuk menegur dan mengajak rakan** baik anda **kembali** ke pangkal jalan?

APA KATA ANDA?



Senario **isu menghina agama** di media sosial semakin menular dan berleluasa di Malaysia. Bincangkan **cara-cara mengatasi** konflik ini.

AKTIVITI GALLERY WALK



ARAHAN:

5 PRINSIP RUKUN NEGARA

1- BAHAGI KUMPULAN – Membahagikan pelajar kepada 5 kumpulan.

2. TUGASAN KUMPULAN – Setiap kumpulan diberikan tugas dengan tajuk yang berlainan. Untuk tajuk ini, pembahagian tajuk adalah seperti berikut:

Kumpulan 1 : Kepercayaan kepada Tuhan

Kumpulan 2 : Kepercayaan kepada Raja dan Negara

Kumpulan 3 : Keluhuran Perlembagaan

Kumpulan 4 : Kedaulatan Undang-undang

Kumpulan 5 : Kesopanan dan Kesusilaan

AKTIVITI GALLERY WALK



3- PELAJAR SEDIA BAHAN – Pelajar diberi masa selama 30 minit untuk menyediakan bahan pembentangan dan dibekalkan dengan pen maker dan kertas mahjong.

4- SESI PEMBENTANGAN – Selesai menyediakan bahan pembentangan, pelajar diminta untuk menampal kertas mahjong di sudut kelas yang telah ditetapkan. Setiap kumpulan dikehendaki melakukan persediaan akhir dengan melantik seorang daripada ahli kumpulan untuk menjadi wakil/pembentang di gallery masing-masing.

5- JOM GALLERY WALK – Bermulala sesi pembentangan di gallery masing-masing. Setiap kumpulan akan bergerak ke gallery lain mengikut pusingan jam. Pembentang yang dipilih tadi akan kekal menunggu di gallery dengan menanti kehadiran kumpulan yang lain. Pembentang akan menyampaikan info hasil daripada perbincangan dan dapatan yang berkaitan dengan tajuk yang diberi.

Jika ada persoalan daripada tetamu, pembentang dikehendaki menjawab soalan tersebut dengan bernas. Pelajar lain diminta untuk mencatat nota hasil daripada pembentangan di setiap gallery.

HASIL DARIPADA AKTIVITI GALLERY WALK :

- 1) Memupuk nilai bekerjasama dan saling bantu membantu bagi memastikan aktiviti dapat dijalankan dengan sempurna.
- 2) Menanamkan sifat tanggungjawab terhadap pembelajaran dan berusaha dengan lebih tekun serta bersemangat di samping aktif dalam penglibatan aktiviti di dalam kelas.
- 3) Berkomunikasi secara dua hala dan saling bertukar pandangan antara satu sama lain.

KESIMPULAN



KESIMPULAN

AGAMA
DI
MALAYSIA

"Mulai 31 Ogos 1957, (kita) akan menjadi sebuah negara berdaulat dan demokratik untuk selama-lamanya, yang dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan serta sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyatnya"

Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia Pertama

<https://www.bharian.com.my>

Malaysia terkenal dengan sebuah negara yang memiliki pelbagai etnik dan agama serta kepercayaan yang berbeza. Walaupun kepercayaan dan agama yang berlainan, namun ianya bukan penghalang untuk hidup dalam masyarakat yang harmoni serta hormat menghormati antara satu sama lain.

Berteraskan kepada Rukun Negara yang pertama, Kepercayaan kepada tuhan, agama telah memainkan peranan yang amat penting sebagai medium mewujudkan perpaduan kaum. Nilai-nilai murni yang ada dalam setiap agama, mengajar serta menyeru kepada pengikutnya agar menanamkan perasaan rasa cinta dan sayang serta saling bertoleransi dalam kehidupan. Agama telah menjadi saksi benteng utama melindungi keharmonian dan perpaduan.



Photo by Eugene Production on Unsplash

AGAMA DIANUTI KEPERCAYAAN DIHORMATI

AGAMA / PERKARA	ISLAM	HINDU	BUDDHA	KRISTIAN
SEJARAH	Dibawa ke Tanah Melayu melalui golongan pedagang dan ulama serta pendakwah.	Dibawa ke Tanah Melayu oleh golongan pedagang melalui aktiviti pedagang.	Dibawa ke Tanah Melayu oleh golongan pedagang melalui aktiviti pedagang.	Wujud di Tanah Melayu setelah kedatangan penjajah Portugis .
MASYARAKAT	Penganut terdiri dalam kalangan orang Melayu dan majoriti bumiputera.	Penganut terdiri dalam kalangan majoriti kaum India.	Dianuti dalam kalangan majoriti kaum Cina.	Dianuti oleh orang-orang Cina, India dan bumiputera Bukan Islam.
PERAYAAN	1) Hari Raya Aidilfitri 2) Hari Raya Aidiladha	1) Deepavali 2) Thaipusam	1) Hari Wesak 2) Tahun Baru Cina	1) Krismas 2) Good Friday
TEMPAT IBADAT	Masjid	Kuil	Tokong	Gereja



Buku :

1. Ismail Kamus (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd.
2. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin (2018). *Pengajian Malaysia*. Selangor : Oxford Fajar.
4. Masitah Mohd Ali, Siti Noryanie Yusoff & Kamsani Md Saad (2016). *Nilai Masyarakat Malaysia*. Selangor : Oxford Fajar.
5. Mohd Ashraf Ibrahim (2013). *Hubungan Etnik*. Selangor : Oxford Fajar.
6. Mohd Rosmizi Abd Rahman (2011). *Agama-agama di Dunia*. Negeri Sembilan : USIM
7. Shamsul Amri Baharuddin (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi : UKM
8. Vishalache Balakrishnan (2009). *Pendidikan Moral untuk Universiti dan Kolej*. Shah Alam : Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
9. Wong Nai Kung & Karthiyani Shanmugam (2011). *Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Cengage Learning Asia Pte Ltd.

Laman sesawang :

1. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, *Maklumat Malaysia Agama*. Diperolehi pada 1 April 2022 daripada <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30116?language=my>
2. Dr. Nur Azuki bin Yusuff, *Isu dan Permasalahan Hubungan Antara Agama di Malaysia Kini dan Jalan Penyelesaiannya*. Diperolehi pada 8 Julai 2022 daripada <http://umkeprints.umk.edu.my/6256/1/Isu%20Dan%20Permasalahan%20Hubungan%20Antara%20Agama%20Di%20Malaysia.pdf>
3. Infografik Laman Web Jabatan Perangkaan Malaysia <https://www.mycensus.gov.my/index.php/>
4. Koleksi sebahagian gambar daripada pautan :
<https://pixabay.com>
<https://unsplash.com>




Image by [Dean Moriarty](#) from [Pixabay](#)

**“Manusia Yang Lemah Sekalipun
Jika Bersatu Padu Akan Dapat
Menggoncang Dunia. Demikianlah
Kesannya Perpaduan”**


~ Tun Dr. Mahathir Mohamad ~



AGAMA DI MALAYSIA

UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Persiaran Usahawan, Seksyen U1,
40150 Shah Alam
Selangor
Telephone No. : +603 5163 4000
Fax No : +603 5569 1903



e ISBN 978-967-0032-08-5

